

CNS7306

U GB 11-07 00157 BH461

BAH

SUKMA DAPAT SATUPADUKAN RAKYAT BERBILANG KAUM

Mahathir - SUKMA

JOHOR BAHRU. 11 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) telah berjaya menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini dan membangunkan satu semangat berlumba-lumba untuk mencapai kejayaan.

Semangat inilah yang amat diperlukan sebuah negara yang membangun, katanya ketika berucap pada majlis penutup SUKMA Keempat di Stadium Tan Sri Hassan Yunus di sini.

Dr Mahathir berkata, kejayaan SUKMA merupakan satu daripada kejayaan negara kerana ketika negara-negara lain menghadapi banyak masalah, Malaysia dapat mengadakan kejohanan seumpama ini dalam keadaan aman dan tenang tanpa banyak masalah.

+Kerajaan memberi penghargaan kepada SUKMA dan berharap ia akan menjadi sebahagian daripada tradisi kita pada setiap dua tahun sekali,+ kata beliau.

Menurutnya, dalam pertandingan sudah tentu ada yang menang dan ada yang kalah tetapi ia tidak seharusnya menimbulkan perasaan yang tidak sihat. -- Lagi.

▼11/07/21-15MST

CNS7307

U GB 11-07 00134 BH462

BAH

Mahathir - SUKMA 2 (Akhir) Johor Baharu

+Dalam pertandingan kadang-kala kita menang dan kadang-kala kita kalah tetapi semangat kita hendaklah terus berkobar-kobar dan ke arah mencapai kemenangan bagi diri sendiri dan pasukan,+ kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga mengucapkan tahniah kepada Sarawak yang menjadi johan keseluruhan dan Johor sebagai naib johan keseluruhan pada SUKMA kali ini.

+Nampaknya sukar bagi yang lain nak kalahkan negeri Sarawak. Mungkin ada ubat yang mereka makan... bukanlah steroid tetapi ubat asli,+ kata Perdana Menteri berseloroh dan disambut gelak ketawa oleh para hadirin.

Dr Mahathir juga melahirkan harapannya agar pasukan badminton Malaysia dapat meraih dua pingat emas pada Sukan Olimpik di Barcelona.

SUKMA Kelima akan diadakan di Perak pada 1994 manakala SUKMA Keenam di Pahang pada 1996. -- Bernama.

▼11/07/21-17MST